

Tajaan pelajar terbaik STPM angkat merit, buka mobiliti sosial

● Penerima tajaan datang daripada pelbagai latar belakang kaum serta mengikuti pelbagai bidang pengajian, termasuk bidang strategik seperti perubatan, kejuruteraan dan pendidikan

● Apabila pelajar mempunyai kecerdasan dan kesungguhan, tetapi berdepan kekangan kewangan, negara tidak boleh membiarkan bakat itu terhenti hanya kerana kemampuan keluarga

Oleh Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) menaja yuran pengajian kepada 27 pelajar terbaik Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2025 daripada 18 universiti awam (UA) wajar dipuji.

Walaupun jumlah penerima mungkin kelihatan kecil, nilai dan mesej dibawa inisiatif ini sangat besar. Ia memperlihatkan di bawah kepimpinan Menteri

besar, membawa mesej sangat jelas kepada generasi muda, iaitu usaha dan kecemerlangan tidak akan dibiarkan berlalu tanpa penghargaan.

STPM bukan satu peperiksaan mudah. Ia menuntut disiplin, ketahanan mental, konsistensi dan kemampuan akademik tinggi. Apabila pelajar terbaik STPM diberikan tajaan pengajian, penghargaan itu bukan sahaja kepada keputusan peperiksaan mereka, bahkan segala pengorbanan dilakukan sepanjang perjalanan pendidikan.

Di sinilah pendekatan Zambrzy wajar dihargai. Beliau tidak melihat kelompok pelajar cemerlang semata-mata sebagai statistik pencapaian pendidikan, tetapi sebagai modal insan strate-

Tingkatan Enam melahirkan pelajar berkualiti tinggi.

Kisah Nurul Amira Wira dari Papar, Sabah, misalnya memberikan gambaran paling jelas. Beliau pernah kecewa kerana tidak memperoleh keputusan SPM seperti disasarkan. Ketika sebahagian rakannya memilih matrikulasi, beliau meneruskan perjalanan melalui Tingkatan Enam. Namun, laluan yang pada awal bukan sebagai pilihan, akhirnya menyaksikan Nurul Amira memperoleh GPA 4.00 pada setiap semester STPM.

Hari ini, Nurul Amira bukan sahaja berjaya memasuki Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk mengikuti Sarjana Muda Pendidikan

Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambrzy Abd Kadir, KPT tidak sekadar bercakap mengenai akses, kecemerlangan dan pembangunan bakat, tetapi menterjemahkannya dalam bentuk tindakan nyata dan terus menyentuh kehidupan pelajar serta keluarga mereka.

Inilah wajah pendidikan tinggi sepatutnya, iaitu kecemerlangan mesti dihargai, peluang pendidikan tinggi perlu diperluas dan latar belakang seseorang tidak seharusnya menjadi penghalang kepada bakat terbaik negara untuk berkembang.

Isnin lalu, Zambrzy menyerahkan surat tajaan kepada penerima dalam majlis di Putrajaya. Universiti Malaya (UM) menaja enam pelajar dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula empat pelajar, manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) masing-masing dua pelajar serta 14 UA lain menaja seorang pelajar.

Lebih penting, penerima tajaan datang daripada pelbagai latar belakang kaum serta mengikuti pelbagai bidang pengajian, termasuk bidang strategik seperti perubatan, kejuruteraan dan pendidikan.

Apa dilakukan KPT walaupun tidak berskala

gik negara perlu dibimbing, diberi peluang dan dipastikan terus berkembang.

Tajaan itu memperlihatkan KPT memahami satu hakikat penting: negara tidak boleh hanya menuntut anak muda mencapai kecemerlangan tanpa menyediakan ekosistem membolehkan kecemerlangan itu berkembang ke tahap seterusnya.

Perbetulkan persepsi

Program ini juga mempunyai kepentingan besar kepada kedudukan STPM sendiri. Dalam kalangan sesetengah masyarakat, laluan Tingkatan Enam kadangkala dianggap pilihan kedua selepas matrikulasi, asasi atau program lain. Persepsi sebegini perlu diperbetulkan.

Apabila pelajar terbaik STPM diberikan tajaan secara langsung oleh UA, kedudukan STPM sebagai laluan berprestij menuju pendidikan tinggi semakin diperkukuhkan.

STPM mempunyai standard pentaksiran tinggi dan terus diperkasakan menerusi penyelidikan, psikometrik, inovasi pentaksiran, digitalisasi serta jaringan antarabangsa. Justeru, pemberian tajaan ini turut meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kemampuan sistem

dengan Kepujian, malah menerima tajaan pengajian. Kisah ini membawa satu pengajaran penting kepada ribuan pelajar, iaitu keputusan SPM bukan penentu mutlak masa depan dan Tingkatan Enam boleh menjadi jalan menuju kejayaan jauh lebih besar.

Program ini juga signifikan dalam memperkukuhkan fungsi pendidikan sebagai wahana mobiliti sosial. Kos pendidikan tinggi tetap menjadi kebimbangan sebahagian keluarga. Yuran pengajian, penginapan, buku, pengangkutan dan perbelanjaan kehidupan memberikan tekanan, terutama kepada mereka yang berasal daripada keluarga berpendapatan sederhana dan rendah.

Sebab itulah kenyataan Zambrzy, setiap anak Malaysia perlu diberikan ruang melanjutkan pengajian tanpa mengira latar belakang mempunyai makna besar. Apabila pelajar mempunyai kecerdasan dan kesungguhan, tetapi berdepan kekangan kewangan, negara tidak boleh membiarkan bakat berkenaan terhenti hanya kerana kemampuan keluarga.

Dalam kes Nurul Amira sendiri, wang simpanan RM300 dimilikinya pernah habis untuk membeli buku rujukan pada semester pertama STPM. Namun, kekangan itu tidak mematahkan semangatnya. Di sinilah tajaan pendidikan mempunyai dimensi kemanusiaan cukup besar. Ia mengurangkan beban keluarga dan membolehkan pelajar menumpukan perhatian kepada pengajian.

Program ini turut membantu UA menarik pelajar terbaik untuk terus belajar dalam negara. Malaysia memerlukan bakat berkualiti tinggi dalam bidang kesihatan, kejuruteraan, pendidikan, teknologi, ekonomi dan pelbagai disiplin lain. Memberikan insentif kepada pelajar cemerlang supaya memilih universiti tempatan menjadi sebahagian usaha membina ekosistem bakat nasional lebih kukuh.

Program tajaan 27 pelajar terbaik STPM 2025 ini mungkin kecil dari sudut jumlah penerima, tetapi besar dari sudut mesejnya. Ia meraikan merit tanpa mengira kaum, memperkukuh STPM, mengurangkan halangan kewangan, meningkatkan mobiliti sosial, mempertahankan bakat terbaik dalam sistem universiti tempatan dan mempersiapkan modal insan negara. Paling penting, ia menegaskan satu prinsip yang perlu terus menjadi teras pendidikan Malaysia, iaitu di mana ada bakat, usaha dan kecemerlangan, di situ mesti ada peluang.



Zambrzy bersama pelajar terbaik STPM 2025 yang menerima tajaan yuran pengajian ke UA di Putrajaya, kelmarin.